

12/02/1997

Bicara segera pesalah trafik

KUALA LUMPUR, Selasa - Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam percaya pemandu akan berdisiplin dan menghormati peraturan jalan raya jika perbicaraan kes trafik dipercepatkan dan hukuman lebih berat dikenakan.

Beliau berkata, kempen keselamatan dalam bentuk apa sekali pun tidak dapat menurunkan kadar kemalangan tanpa penguatkuasaan yang tegas.

"Pelbagai kempen dari peringkat sekolah hingga mendapat lesen telah kita buat tetapi orang ramai tidak kisah kerana kes lambat dibicarakan dan hukuman yang dijatuhkan tidak memadai," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas saranan Pensyarah Komunikasi Pembangunan UKM, Prof Madya Dr Samsudin A Rahim, supaya strategi kempen keselamatan jalan raya diubah memandangkan pendekatan menakut-nakutkan pemandu didapati kurang berkesan.

Laporan yang disiarkan akhbar hari ini memetik Dr Samsudin sebagai berkata mesej mengenai peningkatan kemalangan, kematian dan kecederaan tidak lagi "menakutkan" pemandu.

Beliau mencadangkan supaya kempen yang dijalankan mampu menimbulkan rasa takut terhadap hukuman yang membabitkan sesuatu yang berharga kepada pemandu seperti penggantungan lesen.

Kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat sehingga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kekesalannya Ahad lalu terhadap sikap sesetengah pengguna jalan raya yang masih tidak mematuhi peraturan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh membuat apa-apa lagi jika pengguna jalan raya, terutama penunggang motosikal masih enggan mematuhi peraturan biarpun kerajaan mengambil langkah keselamatan yang serius.

(END)